



GARIS PANDUAN PROGRAM PEMERKASAAN STAF

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada staf Eksekutif dan Operasi serta Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengenai tanggungjawab dan melaksanakan Program Pemerksaan Staf.

2. OBJEKTIF PROGRAM

Objektif program ini adalah untuk :

- (1) Meningkatkan kompetensi staf dalam melaksanakan tugas;
- (2) Memperkasakan perkembangan ilmu di kalangan staf Eksekutif dan Operasi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan selaras dengan hasrat Universiti bagi mewujudkan 'knowledge organization';
- (3) Memberi peluang kepada staf Eksekutif dan Operasi untuk mendapatkan kelayakan akademik yang lebih tinggi melalui program 'degree stacking'; dan
- (4) Menggalakkan pembelajaran berterusan di kalangan staf Eksekutif dan Operasi bagi peningkatan kompetensi.

3. TANGGUNGJAWAB

- (1) Staf Eksekutif dan Operasi yang mengikuti program:
 - (a) Menyokong hasrat dan inisiatif Universiti dalam memperkasakan perkembangan ilmu bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan;
 - (b) Memberi komitmen yang tinggi dan mengikuti program sepenuhnya;
 - (c) Mematuhi arahan pendaftaran kursus mengikut ketetapan Universiti;
 - (d) Mematuhi kaedah dan peraturan bagi kursus yang didaftarkan;
 - (e) Menghadiri / mengikuti kuliah / tutorial / penilaian berterusan (kuiz / pembentangan) / peperiksaan akhir mengikut jadual yang telah ditetapkan;

- (f) Mengemukakan jadual kursus kepada Ketua PTj untuk makluman dan rekod; dan
 - (g) Memaklumkan secara bertulis justifikasi ketidakhadiran ke kuliah / tutorial / penilaian berterusan (kuiz / pembentangan) / peperiksaan akhir kepada pihak Bahagian Pembangunan Insan (HTD), Jabatan Pendaftar untuk makluman dan rekod.
- (2) Ketua PTj bagi staf Eksekutif dan Operasi yang mengikuti program
- (a) Menyokong hasrat dan inisiatif Universiti dalam memperkasakan perkembangan ilmu di kalangan staf bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan;
 - (b) Meneliti dan memperakukan pemilihan kursus Ijazah Dasar dan / atau Ijazah Tinggi yang bersesuaian dengan skop bidang tugas bagi mengurangkan jurang kompetensi staf;
 - (c) Memberi pelepasan tugas hakiki kepada staf yang terlibat dalam program ini untuk menghadiri / mengikuti kuliah / tutorial / penilaian berterusan (kuiz / pembentangan) / peperiksaan akhir mengikut jadual yang telah ditetapkan. Untuk tujuan tersebut, Ketua PTj boleh memberi pelepasan kes khas bagi *clock-in / clock-out* staf berkenaan; dan
 - (d) Memberi penilaian keberkesanan program terhadap staf PTj masing-masing yang mengikuti program pemerkasaan staf.

4. KURSUS YANG DITAWARKAN

- (1) Secara umumnya, kursus yang ditawarkan kepada semua peserta adalah di peringkat Ijazah Dasar dan / atau Ijazah Tinggi tertakluk kepada penawaran kursus oleh PTj bagi setiap semester dan sesi akademik.
- (2) Setiap Ketua PTj Akademik yang menawarkan program Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi dikehendaki meneliti dan memperakukan penawaran kursus sedia ada masing-masing (yang bersesuaian) bagi setiap semester untuk ditawarkan bagi pelaksanaan program ini.
- (3) Kursus tersebut di perenggan (2) di atas akan diklusterkan seperti berikut berdasarkan Mesyuarat JK Pengurusan Bil.14/2021 bertarikh 23 Julai 2021 (Cabutan Minit 3(4)).
 - (a) Pentadbiran dan Pengurusan
 - (b) Kewangan
 - (c) Teknikal
 - (d) Komunikasi dan Bahasa

5. PEMILIHAN KURSUS OLEH PESERTA PROGRAM

- (1) Setiap peserta yang dipilih untuk mengikuti Program Pemerksaan Staf dikehendaki memilih satu (1) kursus yang ditawarkan pada semester berkenaan berdasarkan perakuan Ketua PTJ masing-masing.
- (2) Peserta dinasihatkan untuk berbincang dengan Ketua PTJ di dalam pemilihan kursus berkenaan agar kursus yang dipilih adalah bersesuaian dan membantu meningkatkan kecekapan / kemahiran dalam pelaksanaan tugas selain daripada meningkatkan kompetensi masing-masing.
- (3) Pertukaran kursus selepas proses pendaftaran adalah TIDAK DIBENARKAN.

6. MENARIK DIRI / MENANGGUH / MEMOHON PENGECUALIAN DARIPADA MENGIKUTI PROGRAM

- (1) Selaras dengan menyokong hasrat Universiti di dalam memperkasakan ilmu pengetahuan serta meningkatkan kompetensi di kalangan staf Eksekutif dan Operasi, semua peserta yang terpilih adalah TIDAK BENARKAN untuk menarik diri / menangguh / memohon pengecualian daripada mengikuti Program Pemerksaan Staf.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan di perenggan (1) di atas, permohonan untuk menarik diri / menangguh / memohon pengecualian mengikuti program boleh dipertimbangkan berdasarkan merit kes dengan kelulusan Pendaftar.

Disediakan oleh:
Bahagian Pembangunan Insan
Jabatan Sumber Manusia
Disember 2022